



## Dasar Perhutanan Malaysia satukan semua negeri

Zanariah Abd Mutalib - Mac 21, 2021 @ 1:05pm  
zanariah\_mutalib@bh.com.my

KUALA LUMPUR: Dasar Perhutanan Malaysia menyaksikan penyatuan julung kali semua negeri di Malaysia dalam bidang pengurusan perhutanan negara yang sudah menjangkau usia 120 tahun.

Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin, berkata dasar itu yang diterima semua negeri pada mesyuarat Majlis Tanah Negara (MTN) ke-78 pada 29 Januari lalu, menggariskan hala tuju yang jelas kepada sektor perhutanan dalam mendepani cabaran baharu di peringkat domestik dan antarabangsa.

Dasar itu adalah bukti usaha dan komitmen bersama antara kerajaan Persekutuan dan kerajaan negeri ke arah mencapai pembangunan mapan dan pengurusan hutan secara berkekalan di negara ini.

"Saya ingin merakamkan ucapan tahniah kepada semua kerajaan negeri yang bersungguh-sungguh melalui proses perundingan yang panjang sehingga terhasilnya Dasar Perhutanan Malaysia yang inklusif dengan mengambil kira kepentingan Semenanjung, Sabah dan Sarawak.

"Saya ingin tekankan bahawa Dasar Perhutanan Malaysia ini adalah dasar kita bersama. Kita semua harus bertindak dan memainkan peranan yang lebih aktif sebagai ejen konservasi dan penggerak pembangunan sosio-ekonomi negara.

"Saya berharap agar usaha bersama kerajaan Persekutuan dan kerajaan negeri dalam melaksanakan kelima-lima objektif Dasar Perhutanan Malaysia akan terus padu bagi mencapai sasaran yang dihasratkan," katanya.



Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin, menunjukkan buku Dasar Perhutanan Malaysia dengan diiringi oleh Menteri Tenaga dan Sumber Asli, Datuk Seri Dr Shamsul Anuar Nasarah. - FOTO BERNAMA

Beliau berkata demikian ketika melancarkan Dasar Perhutanan Malaysia sempena Sambutan Hari Hutan Antarabangsa 2021 peringkat kebangsaan di Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM), Kepong, hari ini.

Yang turut hadir, Menteri Tenaga dan Sumber Asli, Datuk Seri Dr Shamsul Anuar Nasarah.

Majlis itu turut disaksikan Menteri Besar dan Ketua Menteri semua negeri secara dalam talian.

Perdana Menteri berkata, Malaysia mempunyai 55.3 peratus atau 18.27 juta hektar kawasan berhutan dan litupan pokok merangkumi 43.6 peratus di Semenanjung, 64.5 peratus di Sabah dan 62.3 peratus di Sarawak, yang mana peratusan itu lebih tinggi daripada kebanyakan negara Eropah termasuk Perancis, Jerman, Itali dan United Kingdom.



Daripada keseluruhan kawasan berhutan itu katanya, hanya 1.7 peratus adalah kawasan hutan terosot, namun kerajaan amat serius dalam pengurusan hutan secara bertanggungjawab dan berkekalan dalam melaksanakan program pemulihan.

"Sejak 2016, seluas 1,859 hektar kawasan terosot sudah dipulihkan dengan peruntukan sebanyak RM152.82 juta dan pada tahun ini, kerajaan Persekutuan menyediakan peruntukan RM34.5 juta untuk kerja pemulihan hutan terosot di seluruh negara.

"Saya menyeru kerajaan negeri melipat gandakan usaha untuk memulihkan kawasan hutan terosot melalui penyelesaian berasaskan alam semulajadi terutama dalam Kawasan Sensitif Alam Sekitar," katanya.



Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin bersama Menteri Tenaga dan Sumber Asli Datuk Seri Dr Shamsul Anuar Nasarah (kanan) menyiram pokok Resak yang ditanamnya pada Majlis Pelancaran Dasar Perhutanan Malaysia sempena Sambutan Hari Hutan Antarabangsa peringkat kebangsaan tahun 2021 di Taman Botani Kepong, Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) hari ini. - Foto BERNAMA

Perdana Menteri mengakui, kos bagi mengekal dan memelihara kawasan hutan di Malaysia amat besar iaitu dianggarkan berjumlah RM6 bilion, justeru pelbagai instrumen kewangan khusus diwujudkan kerajaan Persekutuan termasuk Ecological Fiscal Transfer for Biodiversity Conservation, Tabung Amanah Konservasi Sumber Asli Nasional dan

Tabung Amanah Kumpulan Wang Pembangunan Hutan di bawah kerajaan negeri di Semenanjung.

Bagaimanapun katanya, instrumen itu masih belum mencukupi dan untuk itu, Jemaah Menteri pada tahun lalu bersetuju meluluskan penubuhan Dana Hutan Malaysia (MFF) iaitu entiti yang akan menguruskan mekanisme Pengurangan Emisi Penyahhutan dan Degradasi Hutan serta Peranan Pemuliharaan, Pengurusan Hutan yang Lestari dan Peningkatan Stok Karbon Hutan di Negara Membangun (REDD Plus).

"Saya yakin usaha yang akan dilaksanakan MFF akan membuka peluang kepada badan korporat, pihak swasta dan institusi kewangan untuk terbabit sebagai rakan strategik dalam aktiviti pemeliharaan hutan melalui instrumen pensijilan karbon iaitu Sijil Pemeliharaan Hutan (FCC) dan Pengurangan Karbon Penyerapan Karbon oleh Hutan (FCO).

"MFF dijangka membawa masuk dana AS\$100 juta dalam tempoh tujuh tahun akan datang, yang seterusnya akan disalurkan kepada kerajaan negeri khusus untuk usaha pemeliharaan termasuk perhutanan sosial yang akan dapat meningkatkan taraf sosio-ekonomi Orang Asli/Orang Asal dan komuniti setempat," katanya.

Pada sama, Perdana Menteri turut meminta kerajaan negeri meningkatkan usaha warta dan mengekalkan kawasan berhutan terutama kawasan koridor ekologi Central Forest Spine (CFS) dan Heart of Borneo (HoB).

Katanya, Rancangan Fizikal Negara Keempat (RFN4) yang sedang dimuktamadkan turut memberi penekanan kepada CFS bagi menjamin kesinambungan landskap hutan menerusi penubuhan koridor ekologi baharu, selain mengurangkan konflik manusia dan hidupan liar serta membolehkan pergerakan bebas hidupan liar terutama spesies ikonik negara yang diancam kepupusan.

"Jika tindakan luar biasa tidak dilakukan sekarang, negara pasti akan kehilangan spesies ikonik terutama Harimau Malaya buat selama-lamanya.


"Justeru, saya menyeru kerajaan Negeri mengambil tindakan untukewartakan kawasan habitat Harimau Malaya sebagai Hutan Simpanan Kekal atau Rizab Hidupan Liar," katanya.



Kerajaan negeri juga perlu mengurangkan kebergantungan kepada aktiviti pengusahaan hutan dan memperkasakan sektor ekopelancongan.

"Sumber kekayaan baharu daripada hutan perlu terus diterokai dan dimanfaatkan melalui pemantapan aktiviti kajian dan pembangunan (R&D) sektor perhutanan," katanya.

Pada majlis itu, Perdana Menteri turut menanam pokok resak sebagai acara simbolik pelancaran Dasar Perhutanan Malaysia.



Pengunjung dapat melalui jambatan gantung setinggi 79.2 meter di Taman Eko Rimba Kuala Lumpur (TERKL). - Foto hiasan BERNAMA

Sementara itu, Anuar dalam ucapannya berkata, Dasar Perhutanan Malaysia akan menjadi rujukan dan panduan kepada dasar-dasar perhutanan negeri di Semenanjung, Sabah dan Sarawak.

Penggubalan dasar itu adalah manifestasi komitmen negara dalam melaksana pengurusan hutan secara berkekalan.

"Ia adalah agenda utama di dalam negara dan juga prinsip dipegang di peringkat antarabangsa," katanya.





Tan Sri Muhyiddin Yassin bersama Menteri Tenaga dan Sumber Asli Datuk Seri Dr Shamsul Anuar Nasarah (kanan) bergambar bersebelahan pokok Resak yang ditanamnya pada Majlis Pelancaran Dasar Perhutanan Malaysia sempena Sambutan Hari Hutan Antarabangsa peringkat kebangsaan tahun 2021 di Taman Botani Kepong, Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) hari ini. - foto BERNAMA